

—

**Ini adalah rumah kami**

**[Ko tō tātou kāinga tēnei]**

*Ringkasan laporan Suruhanjaya Siasatan  
Diraja mengenai serangan pengganas di  
masjid Christchurch pada 15 Mac 2019*

**[BAHASA MALAYSIAN]**



ROYAL COMMISSION OF INQUIRY  
INTO THE TERRORIST ATTACK  
ON CHRISTCHURCH MOSQUES  
ON 15 MARCH 2019

TE KŌMIHANA UIUI A TE WHAKAEKE  
KAIWHAKATUMA I NGĀ WHARE  
KŌRANA O ŌTAUTAHI I TE  
15 O POUTŪ-TE-RANGI 2019

26 November 2020

*Ini adalah rumah kami  
[Ko tō tātou kāinga tēnei]*

*Ringkasan laporan Suruhanjaya Siasatan  
Diraja mengenai serangan pengganas di masjid  
Christchurch pada 15 Mac 2019*

*Terbitan 26 November 2020*


*ISBN 978-0-473-54879-7 (PDF)*

*ISBN 978-0-473-55300-5 (Buku Berkulit Lembut)*

*Hakcipta Terpelihara 2020 ©*

*Dokumen ini boleh didapati dalam talian di:  
[www.christchurchattack.royalcommission.nz](http://www.christchurchattack.royalcommission.nz)*

*Dicetak menggunakan kertas yang diperakui  
oleh ECF dan FSC serta bebas asid dan boleh  
dibiodegradasikan*



Inilah rumah anda  
dan sepatutnya anda  
selamat di sini

*Ilustrasi ini diberikan oleh artis Ruby Jones.  
Suruhanjaya Diraja amat menghargai bakat dan kemurahan hati Ruby.*

---

# Penghargaan

Suruhanjaya Diraja ingin mengiktiraf 51 orang syuhada. Mereka adalah intipati siasatan kami.

Kami berharap agar kisah-kisah 51 orang syuhada tidak dilupakan dan kisah-kisah mereka dapat memberi inspirasi kepada kami dan generasi akan datang.

Suruhanjaya Diraja juga ingin mengiktiraf ramai mangsa dan saksi yang terselamat.

Kami berharap agar para whānau daripada 51 orang syuhada, dan mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pengganas berserta dengan whānau mereka dapat menikmati kehidupan yang damai.

## **Kia whakatōmuri te haere whakamua**

*Saya melangkahkan diri ke masa depan dengan mata tertumpu pada masa lalu.*

Whakataukī atau 'peribahasa' ini berbicara kepada perspektif Māori tentang masa, di mana masa lalu, masa kini dan masa depan mempunyai jalinan antara satu sama lain. Konseptualisasi masa ini tidak meninggalkan masa lalu; sebaliknya masa lalu dibawa ke masa depan.

Abdelfattah **Qasem**

Ahmed Gamal Eldin Mohamed **Abdel Ghany**

Dr Amjad Kasem **Hamid**

Arif Mohamedali **Vohra**

Ashraf **El-Moursy Ragheb**

Farhaj **Ahsan**

Haji Ashraf **Ali**

Haji Mohemmed Daoud **Nabi**

Hamza **Alhaj Mustafa**

Husna **Ahmed**

Hussein Mohamed Khalil **Moustafa**

Kamel (Moh'd Kamal) Kamel **Darwish**

Khaled **Alhaj Mustafa**

Linda Susan **Armstrong**

Mohamad Moosid **Mohamedhosen**

Mohammed Omar **Faruk**

Mounir **Soliman**

Dr Muhammad Abdus **Samad**

Muhammad Suhail **Shahid**

Musa Vali Suleman **Patel**

Osama Adnan Youssef **Abukwaik**

Ramiz Arifbhai **Vora**

Sheikh Muse Nur **Awale**

Syed Jahandad **Ali**

Tariq Rashid **Omar**

Zekeriya **Tuyan**

Abdukadir **Elmi**

Ali Mahmoud **Elmadani**

Ansi **Karippakulam Alibava**

Ashraf **Ali Razak**

Atta Mohammad Ata **Elayyan**

Ghulam **Hussain**

Haji Matiullah **Safi**

Hajji Maheboob Allahlakhar **Khokhar**

Dr Haroon **Mahmood**

Hussein Hazim **Al-Umari**

Junaid **Ismail**

Karam **Bibi**

Lilik Abdul **Hamid**

MD Mojammel **Hoq**

Mohammed Imran **Khan**

Mohsen Mohammed **Al-Harbi**

Mucaad Aden **Ibrahim**

Muhammad Haziq **Bin Mohd Tarmizi**

Muhammad Zeshan **Raza**

Naeem **Rashid**

Ozair **Kadir**

Sayyad Ahmad **Milne**

Syed Areeb **Ahmed**

Talha **Naeem**


Zakaria **Bhuiya**

This is our home  
Ko hotau 'api eni  
这是我们的家  
Dies ist unser Zuhause  
ہے رہنے گاہ ار اہم  
Bu bizim evimiz  
यह हमारा घर है

Ko tō tātou kāinga tenei

這是我們的家  
এটাই আমাদের বাড়ি  
Nous sommes chez nous ici  
یہ روک رہنومز اد  
Kani waa guriga naga  
O le mātou 'āiga tenei  
یہ ہمارا گھر ہے





**Simbol kami diilhamkan oleh ikon  
Aotearoa New Zealand yang berterusan dan  
berkekalan, iaitu koru.**

Pelepah pakis yang terbentang mewakili kedamaian, ketenangan, pertumbuhan, perubahan positif dan kebangkitan. Dimensi kedamaian ini juga wujud dalam makna keimanan hidup Islam.

Kami membuat persamaan antara taonga ini dengan perjalanan yang dilalui oleh warga New Zealand untuk menjadikan masyarakat lebih selamat dan inklusif.

Reka bentuk koru dengan tujuh kumpulan daripada tujuh pelepah yang terbentang juga mengiktirafkan bahawa 15 Mac 2019 adalah, menurut kalendar lunar Islam, 7 Rajab 1440, iaitu hari ke-7 bulan Islam ke-7.



## Kata Pengantar



### *Assalaam alaikum dan tēnā koutou.*

- 1 Kami ingin memulakan dengan mengiktiraf whānau daripada 51 orang syuhada, mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pegganas pada 15 Mac 2019 berserta dengan whānau mereka yang kehidupannya telah berubah selama-lamanya. Mereka yang diserang di masjid adalah warga New Zealand yang telah berkumpul semasa doa selamat. Pegganas telah membunuh 51 orang dan cuba membunuh 40 orang lagi. Tindakan kejamnya begitu memalukan dan tidak dapat difahami.
- 2 Serangan pegganas tersebut didorong oleh ideologi Islamofobia sayap kanan yang ekstrim. Tujuannya adalah untuk mempromosikan kekacauan dan ketidakharmonian di New Zealand. Tujuan tersebut gagal. Pada hari-hari, minggu-minggu dan bulan-bulan berikutnya, warga New Zealand bersatu dengan mereka yang terkesan dan bersuara untuk menentang perkauman, ekstremisme dan keganasan ekstremis. Terdapat satu tempoh masa untuk refleksi nasional mengenai nilai bersama, kehidupan kolektif dan apa artinya hidup di New Zealand.
- 3 Negara perlu mengetahui apa yang telah berlaku, dan mengapa, dan apa yang harus dilaksanakan untuk mengurangkan risiko serangan pada masa depan. Suruhanjaya Siasatan Diraja ini ditubuhkan. Ia merupakan keistimewaan dan kehormatan kami untuk berkhidmat sebagai Ahli.
- 4 Inti siasatan kami adalah mereka yang kehilangan nyawa, whānau daripada 51 orang syuhada, dan mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pegganas berserta dengan whānau mereka. Kami ingin mendengar dan berinteraksi dengan cara budaya yang sesuai.

- 5 Kami diraikan oleh mereka yang menyambut kami ke rumah mereka dengan murah hati. Mereka berkongsi kesedihan dan trauma mereka serta cinta mereka kepada New Zealand dan keinginan mereka untuk mempunyai hubungan yang lebih baik dengan semua komuniti New Zealand. Walau bagaimanapun, orang-orang yang kehidupannya telah mengalami perubahan yang besar masih dapat melihat pada masa akan datang dan mempunyai harapan terhadap New Zealand.
- 6 Kami meneliti kehidupan individu yang merancang dan melakukan serangan pengganas. Kami mengajukan pertanyaan keras kepada agensi-agensi sektor awam, terutamanya yang ditugaskan untuk melindungi warga New Zealand daripada serangan tersebut.
- 7 Kami bertemu dengan pelbagai pakar New Zealand dan pakar antarabangsa mengenai topik-topik daripada pengumpulan maklumat sehingga perpaduan sosial. Beratus-ratus orang telah menemui kami, menulis surat kepada kami, memberikan bukti dan ditemu ramah. Lebih daripada 1,100 orang membuat penyerahan.
- 8 Kami bersyukur kepada semua orang yang terlibat dengan kami dengan begitu terbuka dan jujur. Kami dapat merasakan ketulusan hati mereka dalam membantu siasatan ini demi kepentingan masa depan semua warga New Zealand. Perkara ini benar sekali terutamanya terhadap anggota Muslim Community Reference Group yang pandangan mereka telah memberikan sumbangan besar kepada laporan kami. Demikian juga, kami bersyukur kepada JustCommunity dan Navigate Your Way Trust, organisasi-organisasi yang membantu kami untuk berinteraksi dengan whānau daripada 51 orang syuhada, dan mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pengganas berserta dengan whānau mereka.
- 9 Kami berterima kasih kepada pakar-pakar antarabangsa dan pemimpin-pemimpin agensi perisikan dan keselamatan di Australia, Norway, United Kingdom dan Amerika Syarikat yang memberikan masa dan kepakaran berharga mereka dengan rela hati. Kami mengucapkan terima kasih khas kepada Lord Hogan-Howe QPM dan John McKinnon CNZM QSO yang membekalkan kepakaran dan pandangan yang kritikal kepada siasatan kami dan laporan ini.
- 10 Akhir sekali, kami mengucapkan terima kasih kepada secretariat Suruhanjaya Diraja dan penasihat-penasihat yang membantu mereka, yang membawa pelbagai pandangan, kemahiran dan pengalaman mereka terhadap kerja kami, demi memastikan pendekatan yang mantap.
- 11 Kami telah membuat cadangan yang luas dan terperinci dalam laporan ini. Mereka adalah blok bangunan untuk New Zealand yang lebih selamat dan padu.



**Hon Sir William Young KNZM**  
Chair



**Jacqui Caine**  
Member



# Isi Kandungan

<b>Penghargaan</b>	2
<b>Kata Pengantar</b>	7
<b>Ringkasan eksekutif</b>	10
<b>Gabungan Penemuan</b>	20
<b>Ringkasan cadangan</b>	23
<b>Catatan akhir</b>	37



## Ringkasan eksekutif

- 1 Sepuluh hari selepas serangan dahsyat pada 15 Mac 2019, pihak kerajaan telah mengumumkan bahawa Suruhanjaya Siasatan Diraja, yang umumnya diperuntukkan untuk perkara-perkara yang penting bagi masyarakat, akan dibentuk untuk menyelidiki dan melaporkan apa yang telah berlaku.
- 2 Serangan pengganas tersebut dilakukan oleh Brenton Harrison Tarrant, yang sejak itu telah disabitkan kesalahan dengan keganasan, pembunuhan 51 orang dan cubaan membunuh 40 orang. Dia kini sedang menjalani hukuman penjara seumur hidup tanpa pembebasan bersyarat. Kami secara amnya merujuk kepadanya dalam laporan kami sebagai “individu itu”. Namanya tidak akan muncul lagi.
- 3 Terma Rujukan yang ditetapkan oleh Kerajaan mengarahkan kami untuk menyelidiki tiga bidang yang luas - tindakan individu itu, tindakan agensi-agensi sektor awam yang relevan dan sebarang perubahan yang dapat dilakukan untuk mencegah serangan pengganas seperti itu berlaku pada masa depan. Ini memerlukan penyiasatan yang terperinci dan forensik terhadap bukti. Ini juga mendorong kami untuk memikir secara mendalam mengenai sistem dan institusi yang dibentuk untuk melindungi dan menghubungkan warga New Zealand.
- 4 Terma Rujukan kami menghendaki kami membuat penemuan mengenai:
  - 4(a) sama ada terdapat maklumat yang diberikan atau tersedia untuk agensi-agensi sektor [Awam] yang relevan yang boleh atau mungkin memberi amaran kepada mereka mengenai serangan pengganas dan, jika maklumat tersebut diberikan atau sebaliknya tersedia, bagaimana agensi-agensi bertindak balas terhadap maklumat tersebut, dan sama ada respons itu adalah sesuai;
  - (b) interaksi antara agensi-agensi sektor [Awam] yang berkaitan, termasuk sama ada terdapat kegagalan dalam perkongsian maklumat antara agensi yang berkaitan;
  - (c) sama ada agensi-agensi sektor [Awam] yang relevan gagal untuk mengesan serangan pengganas kerana penumpuan sumber-sumber anti keganasan yang tidak sesuai atau memberi keutamaan kepada ancaman keganasan yang lain;
  - (d) sama ada mana-mana agensi-agensi sektor [Awam] yang berkaitan gagal memenuhi piawaian yang diperlukan atau mempunyai kesalahan, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian; dan
  - (e) apa-apa perkara lain yang relevan dengan tujuan siasatan, sejauh yang diperlukan untuk menghasilkan laporan yang lengkap.
- 5 Kami dapat melihat empat soalan pertama yang ditujukan terutamanya kepada sama ada agensi-agensi sektor awam bersalah dalam hal yang berkaitan dengan serangan pengganas.
- 6 Kami juga diminta untuk membuat cadangan untuk masa depan.

- 7 Inti siasatan kami adalah whānau daripada 51 orang syuhada, dan mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pengganas berserta dengan whānau mereka. Berhubung dengan komuniti Muslim adalah jangkaan dalam Terma Rujukan kami, tetapi itu juga merupakan perkara yang betul untuk dilakukan. Kami telah memperoleh pandangan berharga melalui cara ini.
- 8 Daripada whānau 51 orang syuhada, dan mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pengganas berserta dengan whānau mereka, kami mendengar tentang kesan berterusan daripada serangan pengganas tersebut, termasuk cabaran dalam mendapatkan bantuan kerajaan. Melalui penglibatan yang lebih luas dengan komuniti Muslim, kami tahu tentang kekecewaan mereka dengan sektor awam yang sejak bertahun-tahun. Masyarakat Islam bercakap secara terang-terangan mengenai sikap perkauman, diskriminasi dan pengalaman kerana disyaki menjadi, atau diperlakukan sebagai, pengganas serta ketakutan mereka menjadi sasaran ucapan kebencian, jenayah kebencian dan keganasan.
- 9 Komuniti yang kami bertemu ingin melihat perpaduan sosial yang lebih besar dan memberitahu kami tentang keinginan mereka untuk mempunyai hubungan komuniti yang lebih erat untuk membantu semua orang merasa selamat dan diterima. Perpaduan sosial mempunyai faedah langsung termasuk orang dapat menjalani kehidupan yang bahagia, bermanfaat dan penyertaan, serta peningkatan produktiviti. Yang penting, ini juga bermaksud bahawa orang akan kurang cenderung menjadi radikal terhadap tingkah laku ekstremis dan ganas, termasuk keganasan.
- 10 Terdapat kebimbangan masyarakat yang kuat bahawa individu itu diberi lesen senjata api. Sebilangan besar penyerahan yang kami terima datang daripada pemilik senjata api dengan cadangan untuk memperkuat proses perlesenan senjata api, memperkenalkan langkah-langkah untuk mengesan pembelian senjata api dan peluru dalam kapasiti yang besar dan kewajiban untuk melaporkan perilaku. Ramai yang merasa pengharaman senjata api separa automatik gaya ketenteraan tidak perlu menghukum kepada pemilik senjata api yang bertanggungjawab, tetapi mereka lebih cenderung dengan cara memperbaiki sistem pelesenan.
- 11 *Bahagian 4: Pengganas* adalah hasil siasatan kami yang mendalam mengenai kehidupan individu itu, latar belakangnya dan yang terutamanya ialah perancangan dan persiapannya demi serangan pengganas. Kami memahami bahawa ada orang yang lebih suka untuk tidak membacanya, tetapi kami bertanggungjawab untuk melaporkan apa yang telah mempengaruhi pandangannya menjadi melampau, mengapa dia memilih New Zealand sebagai tempat untuk melakukan serangan pengganas dan bagaimana dia menghindarkan diri daripada perhatian agensi-agensi sektor awam.
- 12 Individu itu adalah seorang lelaki Australia berkulit putih yang berusia 28 tahun pada bulan Mac 2019. Dia menunjukkan tingkah laku rasis sejak usia muda. Pengalaman hidupnya tampaknya telah menimbulkan ketidakpuasan hati dan dia menjadi radikal, membentuk pandangan sayap kanan mengenai orang yang dianggapnya sebagai ancaman. Akhirnya, dia bergerak kepada keganasan.

- 13 Individu itu tiba di New Zealand pada 17 Ogos 2017. Sebagai warga Australia, dia berhak tinggal di New Zealand. Dalam beberapa hari setelah kedatangan, dia pindah ke Dunedin dan sejak waktu ini, kehidupannya telah tertumpu untuk merancang dan mempersiapkan diri untuk serangan pengganas. Kami memerhati penggunaan platform dalam taliannya sebelum dan semasa serangan pengganas. Kami juga memeriksa bagaimana individu itu memperoleh lesen senjata api dan bagaimana dia memperoleh senjata api dan peluru tersebut secara sah. Kami mengesan bagaimana dia berlatih untuk serangan pengganas tersebut dengan mengembangkan kepakaran senjata api dan bersenam di gimnasium serta mengambil steroid untuk menguatkan badannya.
- 14 Individu itu tidak mempunyai kawan rapat dan sebahagian besar kehidupannya telah menghindari situasi sosial dan, dalam erti kata itu, terpencil dari sosial. Dia bebas dari segi kewangan dan melancong ke banyak tempat. Dalam persiapan dan perancangannya untuk melakukan serangan pengganasnya, dia bersikap tersusun dan berfikiran fokus. Individu itu dapat menguruskan dirinya dengan baik dan dengan cara yang tidak menimbulkan kecurigaan. Dia tidak dikenali sebagai seseorang yang akan menimbulkan ancaman. Kami menjelaskan alasan-alasannya dalam laporan ini.
- 15 Seperti yang kami jelaskan secara terperinci di *Bahagian 4: Pegganas*, kami berpuas hati bahawa individu itu bertindak sendirian.
- 16 Kami akan lihat senjata api dengan teliti di *Bahagian 5: Lesen senjata api*.
- 17 Walaupun individu tersebut hampir tidak memiliki sejarah di New Zealand, permohonannya untuk mendapatkan lesen senjata api telah diluluskan dalam tempoh sekitar tiga bulan sejak kedatangannya di negara New Zealand. Dia telah menamakan adik perempuannya sebagai panel rujukan tetapi, kerana dia tinggal di Australia, kakitangan pelesenan senjata api meminta panel rujukan pengganti. Pada akhirnya, dua panel rujukan yang berasal dari New Zealand (seorang dewasa dan ibu bapa mereka) digambarkan sebagai “kawan” individu tersebut, menyatakannya sebagai orang yang “sesuai dan betul”. Orang dewasa (yang kami sebut sebagai “rakan permainan”) telah bermain permainan dalam talian dengan individu tersebut selama lebih daripada sepuluh tahun tetapi secara fizikalnya hanya berada di syarikatnya selama kira-kira 21 hari dalam keseluruhan dekad itu. Ibu bapa rakan permainan tersebut menghabiskan hanya sekitar tujuh hari dalam empat tahun bersama dengan individu itu. Dalam kedua-dua kes tersebut, masa yang dihabiskan bersama dengan individu itu adalah sekali-sekala sahaja.
- 18 Kami menyimpulkan bahawa semasa proses permohonan lesen senjata api, perhatian yang diberikan tidak mencukupi mengenai sama ada rakan permainan dan ibu bapa mereka cukup mengenali individu tersebut untuk menjadi panel rujukan yang sesuai. Kami membincangkan apa yang mungkin berlaku sekiranya permohonan itu tidak diluluskan pada masa itu ataupun jika permohonan tersebut ditangani dengan cara yang berbeza.

- 19 Kami mendapati bahawa pentadbiran sistem perlesenan senjata api Polis New Zealand tidak memenuhi piawaian yang diperlukan. Faktor-faktor ini termasuk kekurangan bimbingan dan latihan untuk kakitangan perlesenan dan panduan yang tidak lengkap untuk menangani aplikasi di mana panel rujukan yang dicalonkan tidak dapat ditemu ramah secara langsung.
- 20 Demi kepentingan kontekstual, oleh kerana pindaan undang-undang senjata api tidak berada dalam skop kami, kami membincangkan tentang peraturan senjata api semi-automatik. Ia longgar, mudah dieksploitasi dan digunakan oleh individu itu. Risiko senjata yang amat membahayakan nyawa akan digunakan dalam serangan pengganas di New Zealand telah dikesan dalam beberapa peristiwa. Salah satu amaran adalah serangan pengganas yang dilakukan di Oslo dan Pulau Utøya di Norway pada tahun 2011, di mana senapang separa automatik digunakan.
- 21 Kami meneliti secara terperinci mengenai apa yang diketahui oleh agensi-agensi sektor awam mengenai individu tersebut sebelum serangan pengganas di *Bahagian 6: Apa yang diketahui oleh agensi sektor awam mengenai pengganas tersebut*. Kami mengemukakan soalan terperinci kepada 217 agensi-agensi di sektor Awam yang lebih luas dan mendapati bahawa sepuluh agensi mempunyai maklumat yang kami berpuas hati berkaitan dengan individu tersebut.
- 22 Satu-satunya maklumat yang merujuk secara langsung kepada serangan pengganas itu adalah e-mel yang dihantar oleh individu itu kepada Perkhidmatan Parlimen (serta ahli politik, media dan wartawan individu) hanya lapan minit sebelum serangan pengganas bermula. Maklumat penting mengenai serangan itu (dari segi lokasi) terdapat dalam manifesto 74 halaman yang dilampirkan dan dihubungkan dalam e-mel. Ia mengambil beberapa minit untuk Perkhidmatan Parlimen membuka e-mel, membaca dan memahami manifesto dan kemudiannya menyampaikan butirannya kepada Polis New Zealand. Pada masa itu serangan pengganas baru sahaja bermula. Kami menerangkannya secara terperinci di *Bahagian 6: Apa yang diketahui oleh agensi-agensi sektor awam mengenai pengganas tersebut* dan kami berpuas hati bahawa Perkhidmatan Parlimen mengikuti prosedur yang betul dan bertindak segera.
- 23 Maklumat-maklumat lain yang diketahui mengenai individu itu sebahagian besar tidak menimbulkan perhatian. Sebagai kelebihan daripada pandangan belakang, kami dapat melihat bahawa ada pihak yang dapat mengaitkan dengan perancangan dan persiapan individu itu. Namun, hal itu tidak jelas pada waktu itu kerana maklumat ini bersifat cebisan. Tidak ada satu aspek pun yang dapat memberi amaran kepada agensi-agensi sektor awam mengenai serangan pengganas yang akan datang. Agensi-agensi sektor awam yang terlibat dalam usaha melawan keganasan tidak ditubuhkan untuk mengumpulkan maklumat seperti rekod perlesenan perubatan dan senjata api. Kami membincangkannya dalam *Bahagian 6: Apa yang diketahui oleh agensi sektor awam mengenai pengganas tersebut*.

- 24 Dalam *Bahagian 7: Mengesan pengganas yang berpotensi*, kami membincangkan cabaran untuk mengesan dan mengendalakan pengganas. Serangan pengganas oleh pelaku tunggal sukar untuk dikesan dan dihalang oleh agensi-agensi perisik dan keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang. Walaupun begitu, banyak serangan pengganas pelaku tunggal yang dimaksudkan sebenarnya telah tergendala. Dalam bahagian ini kami menggunakan individu itu sebagai kajian kes untuk menguji dan menjelaskan beberapa isu yang sedang diperdebatkan sebelum kami bergerak maju untuk melihat lebih mendalam dalam memerangi keganasan.
- 25 Usaha melawan keganasan (yang merupakan bahagian daripada sistem keamanan nasional yang lebih luas) dikaji di *Bahagian 8: Menilai usaha dalam melawan keganasan*. Agensi-agensi sektor awam yang terlibat dalam usaha melawan keganasan merangkumi Kumpulan Keselamatan Nasional daripada Jabatan Perdana Menteri dan Kabinet, Biro Keselamatan Komunikasi Kerajaan, Imigresen New Zealand, Perkhidmatan Kastam New Zealand, Polis New Zealand dan Perkhidmatan Perisikan Keselamatan New Zealand.
- 26 Pertanyaan yang paling penting yang harus kami ajukan mengenai usaha dalam melawan keganasan ialah sama ada agensi-agensi sektor awam yang relevan gagal untuk mengesan serangan keganasan kerana serangan pengganas kerana penumpuan sumber-sumber anti keganasan yang tidak sesuai atau memberi keutamaan kepada ancaman keganasan yang lain. Soalan ini tidak mudah dijawab, tetapi kami menyelesaikan masalah-masalah tersebut secara tersusun.
- 27 Terdapat konteks yang mesti dikenali. Agensi-agensi perisik dan keselamatan mempunyai sedikit lesen sosial. Atas sebab ini dan alasan lain yang kami teliti, agensi-agensi sektor awam yang terlibat dalam usaha melawan keganasan mempunyai kemampuan dan keupayaan yang terhad - jauh lebih sedikit daripada yang dipercayai oleh banyak pihak. Idea bahawa agensi-agensi perisik dan keselamatan terlibat dalam pengawasan massa warga New Zealand adalah mitos. Melihat balik pada tahun 2014, agensi-agensi perisikan dan keselamatan berada dalam keadaan rapuh. Latihan membina semula tidak dapat dilakukan sehingga pertengahan tahun 2016 dan masih belum selesai ketika serangan pengganas berlaku pada tahun 2019.
- 28 Penilaian kami memfokuskan terutamanya pada tempoh antara tahun 2016 dan 15 Mac 2019. Pada masa itu, fokus utama, tetapi tidak eksklusif, pada sumber anti keganasan adalah pada apa yang dilihat sebagai ancaman daripada keganasan ekstremis Islam. Adalah penting untuk pemerhatian bahawa agensi-agensi anti keganasan telah mengikuti petunjuk yang berkaitan dengan keganasan ekstremis sayap kanan yang berkemungkinan. Oleh itu, tumpuan terhadap ancaman daripada keganasan ekstremis Islam tidak terkecuali daripada menangani petunjuk-petunjuk lain apabila mereka muncul.
- 29 Pada tahun 2016, Perkhidmatan Perisikan Keselamatan New Zealand mengenal pasti bahawa kewujudan satu gambaran dasar (sesuatu pemahaman) mengenai ancaman keganasan lain yang muncul adalah satu matlamat, tetapi ia akan dicapai hanya ketika



mereka berkemampuan untuk melakukannya. Perkara ini akhirnya dimulakan pada Mei 2018, dengan salah satu projek yang difokuskan untuk mengembangkan pemahaman mengenai ekstremisme sayap kanan di New Zealand. Pada masa itu, Perkhidmatan Perisikan Keselamatan New Zealand hanya memiliki pemahaman yang terbatas mengenai ekstremisme sayap kanan dan usaha untuk menyelesaikannya tidak lengkap ketika serangan pengganas itu berlaku.

- 30 Fungsi perisikan Polis New Zealand merosot dan tidak melakukan penilaian ancaman keganasan yang strategik sejak tahun 2015.
- 31 Kami menyimpulkan bahawa terdapat penumpuan pada sumber-sumber anti keganasan yang tidak tepat terhadap ancaman keganasan ekstremis Islam, tetapi alasan-alasannya perlu dikaji.
- 32 Keprihatinan kami dengan penumpuan sumber-sumber anti keganasan terhadap keganasan Islam adalah salah satu prosesnya. Terdapat dua aspek untuk ini. Pertama, belum ada penilaian besar mengenai potensi ancaman keganasan lain. Oleh itu, penumpuan terhadap sumber-sumber anti keganasan bukan berdasarkan analisis risiko secara perbandingan. Kedua, belum ada keputusan di seluruh sistem yang tepat untuk meneruskan hal ini. Dengan ini kami bermaksud bahawa keputusan yang dibuat oleh semua agensi sektor awam yang relevan dengan pengetahuan tentang adanya potensi ancaman keganasan yang lain yang tidak dapat difahami dengan baik. Ini juga memerlukan penjelasan ringkas.
- 33 Perkhidmatan Perisikan Keselamatan New Zealand telah memutuskan untuk memusatkan sumber-sumber anti keganasannya yang terbatas kepada ancaman keganasan ekstremis Islam. Ini sebahagiannya kerana ia kekurangan kapasiti sehingga pertengahan 2018 untuk menangani ancaman seperti itu dan, pada masa yang sama, untuk membuat dasar bagi ancaman lain. Agensi-agensi sektor awam lain yang terlibat dalam usaha melawan keganasan tidak melakukan perbincangan yang tepat mengenai pendekatan ini dan implikasinya, termasuk risiko yang tidak dapat diatasi. Oleh itu, tidak ada keputusan yang tepat dan sistematik untuk meneruskan dasar ini yang kami anggap tidak sesuai.
- 34 Daripada semua itu, kami mendapati bahawa penumpuan kepada sumber terhadap ancaman keganasan ekstremis Islam tersebut bukanlah mengapa perancangan dan persiapan individu untuk melakukan serangan pengganasnya tidak dikesan. Diberikan bahawa keselamatan operasi yang dikendalikan oleh individu tersebut, persekitaran yang membenarkan perundangan yang mengizinkan di mana usaha melawan keganasan beroperasi dan dengan batasan kebolehan dan kemampuan agensi-agensi anti keganasan, tidak ada cara yang masuk akal untuk dikesan kecuali secara kebetulan. Walaupun ada kebimbangan yang baru saja kami bincangkan dan masalah sistemik lain yang telah kami kaji di *Bahagian 8: Menilai usaha dalam melawan keganasan*, hakikat bahawa individu itu tidak dikesan bukanlah kegagalan perisikan.

- 35 Kami telah melihat secara lebih meluas dalam usaha melawan keganasan. Kami telah menyebutkan lesen, kemampuan dan kebolehan sosial yang terhad. Menjelang pertengahan dekad yang lalu, subjek anti keganasan serta perisikan dan keselamatan menjadi toksik secara politik dan awam. Terdapat sedikit pemilikan politik. Kepimpinan sektor awam berpecah-belah melalui sistem keselamatan nasional yang desentralisasi dengan agensi-agensi sektor awam yang terlibat dalam usaha melawan keganasan yang bertindak dengan cara yang hanya dikoordinasikan secara longgar.
- 36 Seperti yang telah dibincangkan, pembangunan semula kebolehan dan kemampuan agensi perisikan dan keselamatan bermula pada pertengahan tahun 2016. Walaupun kemajuan telah dicapai, tapi lebih banyak lagi yang diperlukan. Juga, perubahan sistemik diperlukan, termasuk pembentukan agensi-agensi perisikan dan keselamatan nasional. Ini akan memberikan pendekatan yang lebih sistematik untuk melawan keganasan dan menentang usaha ekstremisme yang ganas. Ketua eksekutif bagi agensi baru akan menjadi penasihat nasional mengenai perisikan dan keselamatan, dengan agensi itu mempunyai kelebihan untuk menumpukan perhatian hanya pada isu perisikan dan keselamatan. Ia akan memberikan nasihat berdasarkan strategi yang komprehensif, mengembangkan strategi melawan keganasan dan mentadbir perundangan keselamatan nasional yang relevan. Agensi ini akan memikul tanggungjawab untuk mengembangkan penilaian perisikan, yang didasari oleh pengesanan ancaman, dan bertanggungjawab atas reka bentuk kerangka pengurusan prestasi dan memantau kemajuan terhadapnya.
- 37 Kami mengakui bahawa sementara fokus kami adalah pada usaha melawan keganasan, cadangan utama kami untuk perubahan seluruh sistem yang berkaitan dengan semua ancaman dan masalah perisikan. Adalah tidak praktikal untuk menanggung tanggungjawab melawan keganasan.
- 38 Ini dan cadangan-cadangan terperinci lain dinyatakan dalam *Bahagian 10: Cadangan-cadangan*.
- 39 Pelaksanaan penuh cadangan kami akan menghasilkan usaha melawan keganasan yang lebih teratur dengan peningkatan kebolehan dan kemampuan dan kerangka perundangan yang kurang ketat. Kami menjangkakan untuk melihat lebih banyak penglibatan dan perbincangan politik dan terbuka dan pengawasan yang lebih kuat. Ini akan menghasilkan kepercayaan masyarakat dan lesen sosial yang lebih besar. Kami ingin melihat perbincangan mengenai anti keganasan akan menjadi kebiasaan. Cadangan kami menyediakan mekanisme untuk perkara ini berlaku.
- 40 Ketiadaan perbincangan sedemikian hingga kini telah membawa akibat.
- 41 Sejak tahun 2015, pihak kerajaan berterusan enggan untuk meneruskan strategi melawan keganasan yang berdepan kepada orang ramai. Salah satu sebabnya adalah untuk mengelakkan stigma terhadap masyarakat Muslim semakin berkembang.

Tetapi, seandainya strategi seperti itu dikongsikan kepada masyarakat dan juga diperbadankan dengan “polisi melihat sesuatu, mengatakan sesuatu”, ada kemungkinan aspek perancangan dan persiapan individu tersebut telah dilaporkan kepada agensi-agensi anti keganasan. Sebagai kelebihan daripada pandangan belakang, pelaporan semacam itu akan memberikan peluang terbaik untuk mengendalakan serangan pengganas. Strategi melawan keganasan yang berdepan kepada orang ramai juga mungkin termasuk polisi untuk menjadikan tempat-tempat yang sesak lebih aman dan melindungi sasaran berkemungkinan daripada serangan. Pelaksanaan dasar tersebut mungkin dapat mengurangkan kehilangan nyawa pada 15 Mac 2019. Juga, sekiranya risiko bahawa seseorang pengganas dapat memanfaatkan peraturan senjata api semi-automatik New Zealand yang lemah dapat diketahui awal dan telah ditangani sebelumnya, kemungkinannya tidak akan ada serangan pengganas berlaku pada 15 Mac 2019.

- 42 Sekumpulan isu terakhir yang kami mempertimbangkan ialah bagaimana perpaduan sosial, inklusif dan kepelbagaian telah tercapai di New Zealand dalam *Bahagian 9: Perpaduan sosial dan mendukung kepelbagaian*.
- 43 Perpaduan sosial, inklusif dan kepelbagaian tidak terdapat dalam rancangan kerja asal kami. Tetapi, ketika siasatan kami berlangsung dan interaksi kami dengan masyarakat semakin mendalam, menjadi jelaslah bahawa isu-isu ini juga memerlukan pertimbangan. Perpaduan sosial mempunyai banyak faedah langsung kepada individu dan masyarakat. Sebaliknya, masyarakat yang terbahagi sekitar politik, sosial, budaya, persekitaran, ekonomi, etnik atau agama lebih cenderung melihat ideologi radikalisme berkembang maju. Usaha dalam membina perpaduan sosial, inklusif dan kepelbagaian dapat menyumbang kepada pencegahan atau dapat mengatasi ekstremisme. Di samping itu, mempunyai masyarakat yang bersatu padu, inklusif dan mendukung kepelbagaian adalah satu kebaikan.
- 44 Kami mempertimbangkan bagaimana agensi-agensi sektor awam, kerajaan tempatan, sektor swasta, dan masyarakat dapat dan harus mendukung masyarakat yang lebih berpadu. Usaha sektor awam telah berpecah-belah dan mengecewakan bagi kumpulan masyarakat yang telah berinteraksi dengan mereka. Perbualan orang ramai mengenai perpaduan sosial tidak wujud. Sekali lagi, kami menyimpulkan bahawa perubahan sistemik diperlukan dan kami menetapkan pemikiran kami di *Bahagian 10: Cadangan-cadangan*.
- 45 Laporan ini mengandungi 44 cadangan yang merangkumi lima bidang utama yang berkaitan dengan usaha dalam melawan keganasan, sistem perlesenan senjata api, keperluan berterusan bagi mereka yang paling terkesan dalam serangan pengganas, tindak balas New Zealand terhadap penduduk kami yang semakin beragama dan melaksanakan cadangan kami. Ini dijelaskan secara terperinci dalam *Bahagian 10: Cadangan-cadangan*.
- 46 Ada beberapa tema dan masalah yang berulang yang sangat penting ketika mempertimbangkan cadangan-cadangan kami. Yang paling penting adalah keperluan untuk menghadapi dan terlibat secara terbuka dengan masalah yang sukar. Dalam siasatan kami,

kami telah melihat aktiviti-aktiviti sektor awam yang melibatkan sistem perlesenan senjata api, usaha dalam melawan keganasan dan perpaduan sosial dan mendukung kepelbagaian. Setiap ini dicirikan oleh pemilikan politik yang terhad dan tidak adanya perbincangan umum yang terbuka.

- 47 Kelonggaran kawalan terhadap senjata api secara automatik telah dinikmati selama beberapa dekad dan risiko kelonggaran tersebut dapat memanfaatkan pengganas telah dikenal pasti sejak tahun 2011. Tetapi tidak ada rejim ketat yang ketara terutamanya kerana menerima penentangan yang kuat daripada komuniti senjata api.
- 48 Kontroversi media dan tahap kepercayaan dan keyakinan masyarakat yang rendah terhadap agensi-agensi perisik dan keselamatan serta aspek kerja agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang telah membawa maksud bahawa ahli politik telah menghindari cabaran dalam penglibatan umum mengenai pencegahan keganasan.
- 49 Membangunkan perpaduan sosial, inklusif dan mendukung kepelbagaian adalah matlamat yang boleh kami cita-citakan. Dalam persekitaran tindak balas dan pemulihan COVID-19 di mana terdapat peningkatan tekanan, masalah kesihatan mental dan ketagihan yang semakin meningkat serta kemerosotan ekonomi, potensi ketidaksamaan dan pendedahan telah diperbesarkan. Apabila negara berpandangan jauh, terdapatnya peluang untuk membangun dan meningkatkan infrastruktur sosial dan masyarakat kami dengan cara yang sama seperti infrastruktur fizikal yang telah dilaburkan. Terdapat banyak kes untuk tindakan lanjutan kerajaan untuk meningkatkan perpaduan sosial dan bagaimana kita boleh mendukung kepelbagaian.
- 50 Kami menerima bahawa penglibatan politik dalam isu-isu ini bukan mudah. Tetapi menghadapi masalah yang sukar dan mengadakan perbincangan secara terbuka sangat penting. Kami telah membincangkan kesan-kesan tidak mempromosikan strategi melawan keganasan yang menghadap kepada orang ramai dan tidak memperketat kawalan longgar terhadap senjata api sebelum serangan pengganas. Kami berharap laporan kami akan mendorong orang ramai, pegawai dan ahli politik untuk terlibat dalam perbincangan yang terus terang agar semua orang memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam menjaga keselamatan, keamanan dan perpaduan New Zealand. Terdapat dorongan untuk berdebat mengenai apa bentuk negara yang diinginkan oleh New Zealand.
- 51 Akhir sekali, New Zealand tidak akan kebal daripada ekstremisme dan keganasan yang ganas. Walaupun mempunyai sistem terbaik di dunia, bakal pengganas yang bertekad masih dapat melakukan serangan di New Zealand pada masa depan. Tetapi ada banyak yang boleh dilakukan oleh kerajaan, dimulai dengan komitmen yang lebih besar untuk ketelusan dan keterbukaan dengan warga New Zealand. Kita semua berperanan dalam membangunkan kesepakatan bersama mengenai nilai-nilai yang kita kongsi dan ingin ditegakkan sebagai sebuah masyarakat dan demi generasi masa depan kita.



# Gabungan Penemuan

1 Rujukan kami menghendaki kami membuat penemuan mengenai:

- 4(a) sama ada terdapat maklumat yang diberikan atau tersedia untuk agensi-agensi sektor [Awam] yang relevan yang boleh atau sepatutnya dapat memberi amaran kepada mereka mengenai serangan pengganas tersebut dan, jika maklumat tersebut diberikan atau tersedia sebaliknya, bagaimana agensi-agensi bertindak balas terhadap maklumat tersebut, dan sama ada tindak balas adalah sesuai; dan
- (b) interaksi antara agensi-agensi sektor [Awam] yang relevan, termasuk sama ada terdapat kegagalan dalam perkongsian maklumat antara agensi-agensi yang relevan; dan
- (c) sama ada agensi-agensi sektor [Awam] yang relevan gagal mengesan serangan pengganas tersebut kerana fokus kepada sumber anti keganasan yang tidak sesuai atau memberi keutamaan terhadap ancaman keganasan lain; dan
- (d) sama ada mana-mana agensi sektor [Awam] yang gagal memenuhi piawaian yang diperlukan atau sebaliknya, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian; dan
- (e) apa-apa perkara lain yang relevan dengan tujuan siasatan, setakat yang diperlukan untuk menghasilkan laporan yang lengkap.

## **Apa yang diketahui oleh agensi-agensi sektor Awam mengenai pengganas tersebut**

2 *Bahagian 6: Apa yang diketahui oleh agensi-agensi sektor Awam mengenai pengganas tersebut* menetapkan bukti dan alasan penemuan kami.

3 “Serangan pengganas itu” bermaksud serangan pengganas yang dilakukan oleh individu itu yang dijalankan mengikut perancangan dan persiapannya selama beberapa tahun sebelumnya.

4 **Kami mendapati bahawa:**

- a) satu-satunya maklumat mengenai individu itu yang diketahui oleh agensi-agensi sektor Awam New Zealand sebelum 15 Mac 2019 yang dapat atau sepatutnya boleh memberi amaran kepada mereka mengenai serangan pengganas yang akan berlaku adalah e-mel yang dihantar oleh individu itu kepada Perkhidmatan Parlimen.
- b) Perkhidmatan Parlimen bertindak dengan sewajarnya dalam jangka masa yang munasabah dalam keadaan tersebut sebagai tindak balas kepada e-mel yang dihantar sebelum serangan pengganas itu;

- c) tidak ada maklumat lain yang diberikan atau tersedia untuk mana-mana agensi sektor Awam yang relevan yang boleh atau sepatutnya dapat memberikan amaran kepada mereka mengenai serangan pengganas itu; dan
- d) tidak ada kegagalan dalam perkongsian maklumat antara agensi-agensi sektor Awam yang relevan.

## **Menilai usaha-usaha dalam melawan keganasan**

- 5 *Bahagian 8: Menilai usaha-usaha dalam melawan keganasan* menetapkan bukti dan alasan penemuan kami.
- 6 Kami menyimpulkan bahawa penumpuan sumber-sumber anti keganasan terhadap ancaman keganasan ekstremis Islam sebelum projek asas Perkhidmatan Perisikan Keselamatan New Zealand bermula pada tahun 2018 adalah tidak munasabah kerana:
  - a) tidak berdasarkan penilaian yang tepat mengenai ancaman keganasan yang berkaitan dengan ideologi lain; dan
  - b) bukan hasil daripada keputusan di seluruh sistem bahawa, walaupun tidak wujudnya penilaian sebegini, sumber-sumber melawan keganasan harus terus diperuntukkan hampir secara eksklusif bagi ancaman keganasan ekstremis Islam.
- 7 **Kami mendapati bahawa:**
  - a) penumpuan sumber yang tidak betul terhadap ancaman keganasan ekstremis Islam tidak menyumbang kepada perancangan dan persiapan individu itu agar serangan pengganasnya tidak dapat dikesan. Oleh sebab itu, agensi-agensi sektor Awam yang terlibat dalam usaha melawan keganasan tidak gagal untuk menjangka atau merancang serangan pengganas itu atas penumpuan sumber-sumber melawan keganasan yang tidak sesuai.
  - b) tidak ada agensi sektor Awam yang terlibat dalam usaha melawan keganasan yang gagal memenuhi piawaian yang diperlukan atau sebaliknya mempunyai kesalahan dalam hal-hal yang penting bagi perancangan dan persiapan individu itu agar serangan pengganasnya tidak dikesan.

## Lesen senjata api

- 8 *Bahagian 5: Lesen senjata api* menetapkan bukti dan alasan penemuan kami.
- 9 **Kami mendapati bahawa:**
- a) Polis New Zealand gagal memenuhi piawaian yang diperlukan dalam pentadbiran sistem perlesenan senjata api kerana:
    - i) Buku Panduan Senjata, Panduan Pemeriksaan Utama dan Panduan Pemeriksaan Lesen Senjata Api tidak memberikan panduan yang konsisten dan lengkap mengenai proses permohonan di mana pemohon tidak dapat memberikan panel rujukan saudara dekat yang dapat ditemu ramah secara langsung;
    - ii) Polis New Zealand tidak membuat pengaturann untuk memastikan bahawa kakitangan perlesenan senjata api menerima latihan sistemik dan tinjauan secara berkala mengenai amalan kerja mereka; dan
    - iii) dalam menangani permohonan lesen senjata api individu tersebut, Polis New Zealand tidak menangani masalah tersebut dengan tepat sama ada rakan permainan dan ibu bapa mereka mengenali individu tersebut secara mendalam sehingga layak untuk menjadi rujukan.



## Ringkasan cadangan

- 1 Terma Rujukan kami mengarahkan kami untuk membuat cadangan yang kami anggap sesuai mengenai perkara berikut:

- 5(1)(a) sama ada terdapatnya apa-apa penambahbaikan yang boleh dilakukan dalam proses pengumpulan, perkongsian, dan pengamalan analisa oleh agensi-agensi sektor [Awam] yang relevan yang dapat mencegah serangan pegganas, atau dapat mencegah serangan pegganas seperti itu pada masa depan, termasuk, tetapi tidak terbatas pada, ketepatan waktu, kecukupan, keberkesanan, dan penyelarasan pendedahan maklumat, perkongsian, atau pepadanan antara agensi-agensi sektor [Awam] yang relevan; dan
  - (b) perubahan, sekiranya ada, yang harus dilaksanakan untuk meningkatkan sistem-sistem agensi [Awam] yang relevan, atau amalan operasi, untuk memastikan pencegahan serangan pegganas tersebut pada masa depan; dan
  - (c) apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan perkara di atas, setakat yang diperlukan untuk menghasilkan laporan yang lengkap.

- 2 Cadangan-cadangan kami dinyatakan dalam *Bahagian 10: Cadangan-cadangan* dan menangani aspek-aspek berikut:

- a) memperbaiki usaha New Zealand dalam melawan keganasan;
- b) memperbaiki sistem perlesenan senjata api New Zealand;
- c) menyokong keperluan pemulihan yang berterusan bagi whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pegganas yang berlaku pada 15 Mac 2019;
- d) memperbaiki tindak balas New Zealand terhadap populasi penduduk kita yang semakin berpelbagaian; dan
- e) pelaksanaan cadangan-cadangan.

- 3 Cadangan-cadangan juga disusun oleh empat tema:

- 4 **Kepemimpinan kukuh dan arahan diperlukan** untuk memberikan pengawasan efektif dan akauntabiliti terhadap usaha-usaha dalam melawan keganasan. Ini akan memastikan bahawa peranan-peranan dan tanggungjawab-tanggungjawab difahami dengan baik merentasi Pengurangan, Kesediaan, Respons dan Pemulihan pada peringkat nasional, wilayah dan tempatan serta sumber-sumber difokuskan dengan tepat.

- 5 Kepemimpinan kukuh kerajaan dan arahan diperlukan untuk menempatkan New Zealand (dan khususnya sektor Awam) untuk bertindak balas dan menyesuaikan diri dengan penduduk New Zealand yang semakin beragam dan untuk mempengaruhi pergerakan sosial yang dari masa ke masa akan membantu mencapai New Zealand yang selamat dan inklusif.

- 6 **Penglibatan dan kerajaan bertanggungjawab dalam pengambilan keputusan** akan membolehkan dasar, program dan perkhidmatan sektor Awam dirancang dan disampaikan yang memenuhi kehendak masyarakat New Zealand yang semakin beragam. Sektor Awam (dan khususnya agensi-agensi yang terlibat dalam usaha melawan keganasan) perlu mengubah cara mereka berinteraksi dengan masyarakat. Pola pemikiran sektor Awam mesti beralih kepada menilai input masyarakat dalam keputusan, ketelusan dan penglibatan dalam perbincangan yang mantap.
- 7 **Setiap orang dalam masyarakat mempunyai peranan dalam menjadikan New Zealand aman dan inklusif** tetapi tidak ada pemahaman umum tentang apa peranan-peranan itu, bagaimana mereka saling berhubungan dan apa yang harus mereka capai. Kejelasan peranan dan tanggungjawab adalah penting.
- 8 Untuk memastikan bahawa semua orang menyedari peranan mereka dalam menjadikan New Zealand aman dan inklusif, pihak kerajaan (dan agensi-agensi sektor Awam yang terlibat dalam usaha melawan keganasan) harus memastikan bahawa usaha melawan keganasan New Zealand dihargai oleh orang yang ingin dilindungi. Meningkatkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap usaha New Zealand dalam melawan keganasan akan memakan masa, jadi usaha untuk melakukannya harus segera dimulai. Juga, pihak kerajaan harus memahami apa arti demografi perubahan New Zealand sebagai sebuah masyarakat dan mempromosikan mesej yang konsisten mengenai manfaat kepelbagaian dan masyarakat yang inklusif.
- 9 Mendasari semua ini, **kesesuaian untuk New Zealand memenuhi tujuan undang-undang dan polisi**. Ini dikembangkan untuk memastikan Akta Perisikan dan Keselamatan 2017 dan Akta Penindasan Keganasan 2002 sesuai untuk tujuan, memperuntukkan kesalahan jenayah kebencian, mewujudkan pendekatan yang boleh dilaksanakan untuk ucapan kebencian dan mendorong kepada rakaman laporan mengenai jenayah kebencian yang lebih baik. Keperluan Polis New Zealand untuk menambah baik pentadbiran sistem perlesenan senjata api mereka juga penting.

## Cadangan-cadangan untuk memperbaiki usaha New Zealand dalam melawan keganasan

### Kami mencadangkan agar pihak kerajaan:

1. **Memastikan** seorang menteri diberi tanggungjawab dan akauntabiliti untuk memimpin dan mengkoordinasikan usaha dalam melawan keganasan.
2. **Menubuhkan** satu agensi perisikan dan keselamatan nasional baharu yang mempunyai sumber yang baik dan diberi mandat dari segi undang-undang untuk bertanggungjawab atas fungsi kepemimpinan perisik strategik dan keselamatan termasuk:
  - a) ketua eksekutif yang dilantik sebagai penasihat perisik dan keselamatan kepada perdana menteri dan Kabinet dan mempengerusikan Lembaga Keselamatan dan Perisikan atau badan pemerintahan baru yang berpotensi (Cadangan 3);
  - b) beroperasi sebagai peneraju sektor dan penyelaras bagi isu-isu perisikan strategik dan keselamatan;
  - c) mengembangkan strategi melawan keganasan yang merangkumi memerangi ekstremisme ganas (Cadangan 4);
  - d) memberikan nasihat polisi strategi kepada menteri(-menteri) yang bertanggungjawab atas isu-isu perisikan dan keselamatan;
  - e) penilaian perisikan dan pengesanan ancaman yang disokong oleh kepakaran yang mendalam;
  - f) menerajui hubungan dengan komuniti, masyarakat sivil, kerajaan tempatan dan sektor swasta dalam isu-isu perisik strategik dan keselamatan;
  - g) memastikan usaha melawan keganasan mematuhi tanggungjawab hak asasi manusia domestik dan antarabangsa New Zealand;
  - h) memanfaatkan struktur pengurusan kecemasan pada peringkat tempatan dan wilayah;
  - i) pemantauan dan pelaporan prestasi sistem; dan
  - j) akauntabiliti kepada menteri atas prestasi usaha melawan keganasan (Cadangan 1).

**3. Menyiasat** mekanisme alternatif kepada sifat sukarela Lembaga Keselamatan dan Perisikan termasuk penubuhan satu Lembaga Eksekutif Antara Jabatan seperti yang diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Awam 2020 untuk, antara lain:

- a) menyelaraskan dan mengkoordinasi kerja, perancangan dan belanjawan merentasi seluruh agensi-agensi sektor Awam yang relevan dalam menangani semua masalah perisikan dan keselamatan;
- b) melaporkan kepada Kabinet Hubungan Luar dan Jawatankuasa Keselamatan termasuk risiko dan ancaman semasa dan yang baru muncul, setiap suku tahun;
- c) berkaitan dengan usaha dalam melawan keganasan:
  - (i) mencadangkan kepada Kabinet strategi untuk menangani ekstremisme dan mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap ancaman ekstremisme dan keganasan semasa dan yang baru muncul yang dikembangkan oleh agensi perisikan dan keselamatan nasional (Cadangan 4); dan
  - (ii) memastikan aktiviti untuk melaksanakan strategi menangani ekstremisme dan mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap ancaman ekstremisme dan keganasan semasa dan yang baru muncul dikenal pasti, diselaraskan dan dipantau.

**4. Mengembangkan dan melaksanakan** strategi menangani ekstremisme yang berdepan masyarakat dan mencegah, mengesan dan bertindak balas kepada ancaman ekstremisme dan keganasan terkini dan baru muncul yang:

- a) dipimpin oleh agensi perisikan dan keselamatan nasional yang baharu (Cadangan 2);
- b) dikembangkan dengan kerjasama antara komuniti, masyarakat sivil, kerajaan tempatan dan sektor swasta;
- c) menetapkan tujuan dan arah strategi, dengan matlamat, tonggak pencapaian dan ukuran prestasi;
- d) menetapkan keutamaan kepada usaha melawan keganasan merentasi Pengurangan, Kesediaan, Respons dan Pemulihan;
- e) menentukan peranan-peranan dan tanggungjawab-tanggungjawab bagi agensi-agensi sektor Awam, komuniti, masyarakat sivil, kerajaan tempatan dan sektor swasta untuk melaksanakan strategi merentasi Pengurangan, Kesediaan, Respons dan Pemulihan;

- f) mempunyai pengawasan daripada Menteri yang bertanggungjawab (Cadangan 1); dan
  - g) ditinjau dalam masa tiga tahun sejak penerbitan dalam kerjasama dengan agensi-agensi sektor Awam, komuniti, masyarakat sivil, kerajaan tempatan, sektor swasta dan Kumpulan Penasihat atas penentangan Keganasan (Cadangan 7).
- 5. Meminda** Akta Kewangan Awam 1989 untuk menghendaki agensi-agensi perisik dan keselamatan memberikan maklumat prestasi yang boleh menjadi subjek audit prestasi oleh Ketua Audit Negara.
- 6. Memperkukuhkan** peranan Jawatankuasa Perisikan dan Keselamatan Parlimen sehingga dapat memberikan pengawasan melintas parlimen yang lebih baik dan tepat mengenai sistem keselamatan nasional termasuk usaha melawan keganasan dan penetapan keutamaan dan ahli-ahli dapat mengakses maklumat sensitif yang diperlukan untuk pengawasan tersebut.
- 7. Mengarahkan** ketua eksekutif agensi perisik dan keselamatan nasional yang baharu (Cadangan 2) untuk menubuhkan Kumpulan Penasihat untuk menangani keganasan:
- a) bertanggungjawab dalam memberi nasihat kepada agensi perisikan dan keselamatan nasional dan Lembaga Keselamatan dan Perisikan atau penggantinya (Cadangan 2 dan 3); dan
  - b) dengan fungsi yang akan ditetapkan, dalam perundangan secepat mungkin, tetapi tanpa menunda penubuhannya.
- 8. Mengarahkan** ketua eksekutif agensi perisik dan keselamatan nasional yang baharu (Cadangan 2) untuk memasukkan nasihat mengenai Keamanan Nasional dan Keutamaan Perisikan dan dalam laporan ancaman tahunan (Cadangan 17), ringkasan nasihat yang diberikan pada tahun sebelumnya oleh Kumpulan Penasihat untuk menangani keganasan (Cadangan 7) dan tindakan yang telah diambil sebagai tindak balas atas nasihat tersebut.
- 9. Mengarahkan** agensi perisik dan keselamatan nasional yang baharu (Cadangan 2), dan sementara waktu Jabatan Perdana Menteri dan Kabinet, untuk menambah baik amalan-amalan perkongsian maklumat keselamatan dan perisikan, termasuk:
- a) mendorong perubahan sebagai pendekatan terhadap prinsip "perlu tahu" merentasi seluruh agensi sektor Awam yang relevan, dengan perhatian khusus diberikan kepada kerajaan tempatan termasuk struktur pengurusan pada peringkat tempatan dan wilayah, untuk memastikannya dapat membolehkan tetapi bukan hanya menyekat perkongsian maklumat; dan

- b) mengawasi pelaksanaan, dalam tempoh enam bulan, cadangan-cadangan dalam *Kajian Sistem Pengkelasan Keselamatan New Zealand 2018*:
- (i) memperluaskan prinsip –prinsip sistem klasifikasi agar tidak ada maklumat yang akan diklasifikasikan dengan tidak jelas dan, apabila terdapat keraguan mengenai tahap klasifikasi, maklumat tersebut diklasifikasikan pada tahap yang lebih rendah;
  - (ii) menyemak dan memperkukuhkan panduan agensi sektor Awam dan mengembangkan latihan;
  - (iii) mengambil pendekatan berdasarkan topik untuk deklasifikasi yang sistematik mengenai catatan bersejarah; dan
  - (iv) menambah baik petunjuk fungsi dan prestasi sistem klasifikasi.

- 10. Meminda** Akta Perisikan dan Keselamatan 2017 sehubungan dengan perjanjian akses langsung, untuk mewajibkan agensi perisikan dan keselamatan nasional yang baharu, dan sementara itu Jabatan Perdana Menteri dan Kabinet, untuk melaporkan secara berkala kepada menteri yang bertanggungjawab tentang usaha melawan keganasan mengenai penubuhan dan pelaksanaannya.
- 11. Mengarahkan** ketua eksekutif agensi-agensi sektor Awam yang terlibat dalam usaha melawan keganasan untuk mempertimbangkan sama ada mereka memiliki jumlah pekerja mereka yang sesuai yang mempunyai pelepasan keselamatan dan memastikan bahawa kakitangan tersebut memiliki akses yang tepat terhadap kemudahan-kemudahan dan sistem pengurusan teknologi dan maklumat agar dapat menyemak bahan yang relevan mengikut keperluan.
- 12. Membangunkan** dan mempromosikan sistem pelaporan yang dapat diakses yang membolehkan anggota masyarakat untuk melaporkan tingkah laku atau kejadian dengan mudah dan selamat kepada satu penghubung dalam jabatan kerajaan.
- 13. Membangunkan** dan menerbitkan indikator dan faktor-faktor risiko yang menggambarkan tingkah laku khusus masyarakat yang mungkin menunjukkan potensi seseorang untuk terlibat dalam ekstremisme dan keganasan dan mengemaskinikannya secara berkala seiring dengan perkembangan ancaman.
- 14. Menubuhkan** satu program untuk membiayai penyelidikan khusus New Zealand yang bebas mengenai faktor-faktor, dan langkah-langkah untuk mencegah, ekstremisme ganas dan keganasan dengan peruntukan berikut:

- a) agensi perisikan dan keselamatan nasional (Cadangan 2) harus diberikan peruntukan bertahun-tahun sebagai pembiayaan penyelidikan;
- b) keutamaan penyelidikan dan penerima geran harus dipilih oleh panel yang terdiri daripada pegawai daripada agensi perisik dan keselamatan nasional yang baharu (Cadangan 2) dan wakil daripada Kumpulan Penasihat dalam melawan keganasan (Cadangan 7), dengan wakil Kumpulan Penasihat membentuk majoriti panel pemilihan; dan
- c) penerima geran harus didorong untuk menerbitkan dan membentangkan hasil penyelidikan mereka di hui tahunan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan ekstremisme dan mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap ancaman ekstremisme dan keganasan semasa dan yang baru muncul (Cadangan 16).

**15. Mencipta peluang** untuk meningkatkan pemahaman masyarakat tentang ekstremisme dan mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap ancaman ekstremisme dan keganasan semasa dan yang baru muncul di New Zealand, yang dipimpin awalnya oleh Menteri Keselamatan Nasional dan Perisikan, dan termasuk perbincangan Awam yang sedang berlangsung mengenai:

- a) sifat usaha New Zealand dalam melawan keganasan, termasuk risiko dan ancaman semasa dan bagaimana agensi-agensi sektor Awam melindungi warga New Zealand daripada ancaman dan risiko keganasan;
- b) siapa yang terlibat dalam usaha melawan keganasan dan peranan-peranan mereka, menyedarkan bahawa komuniti, masyarakat sivil, kerajaan tempatan dan sektor swasta semuanya merupakan sebahagian daripada usaha dalam melawan keganasan, termasuk, tetapi tidak terbatas kepada, menjadi sumber maklumat penting;
- c) keperluan untuk mencapai keseimbangan antara privasi individu dan keselamatan individu dan komuniti dan untuk memahami lesen sosial bagi agensi-agensi sektor Awam untuk terlibat dalam pencegahan keganasan dan memerangi kegiatan-kegiatan ekstremisme;
- d) menyokong orang ramai untuk memahami bagaimana untuk bertindak balas ketika mereka mengenali bahawa tingkah laku dan kejadian yang mungkin menunjukkan potensi seseorang untuk terlibat dalam ekstremisme dan keganasan; dan
- e) bagaimana perpaduan sosial, inklusif dan kepelbagaian menyumbang kepada masyarakat yang efektif.

**16. Mengarahkan** ketua eksekutif agensi perisik dan keselamatan nasional yang baharu (Cadangan 2) untuk mengadakan hui tahunan, untuk mengumpulkan agensi-agensi kerajaan pusat dan daerah, komuniti, masyarakat sivil, sektor swasta dan penyelidik yang relevan (Cadangan 14) agar mewujudkan peluang untuk membina hubungan dan berkongsi pemahaman dalam menentang ekstremisme dan keganasan.

**17. Wajib dalam perundangan:**

- a) Menteri Keselamatan Nasional dan Perisikan untuk menerbitkan dalam setiap kitaran Parlimen Keutamaan Keselamatan dan Perisikan Nasional dan merujuknya kepada Jawatankuasa Perisikan dan Keselamatan Parlimen untuk dipertimbangkan;
- b) menteri yang bertanggungjawab untuk menerbitkan laporan ancaman tahunan; dan
- c) Jawatankuasa Perisikan dan Keselamatan Parlimen untuk menerima dan mempertimbangkan penyerahan mengenai Keutamaan Keselamatan dan Perisikan Nasional dan laporan ancaman tahunan.

**18. Mengkaji semula** semua undang-undang yang berkaitan dengan usaha melawan keganasan (termasuk Akta Penindasan Keganasan 2002 dan Akta Perisikan dan Keselamatan 2017) untuk memastikannya adalah terkini dan membolehkan agensi-agensi sektor Awam beroperasi dengan berkesan, memberi keutamaan kepada pertimbangan mengenai kewujudannya seseorang yang boleh menyebabkan jenayah keganasan dalam Akta Penindasan Keganasan, mengkaji semula dengan mendesak mengenai kesan seksyen 19 Akta Perisikan dan Keselamatan terhadap penemuan sasaran dan menyetujui dan melaksanakan Konvensyen Budapest.



## Cadangan-cadangan untuk memperbaiki sistem perlesenan senjata api New Zealand

### Kami mencadangkan agar pihak kerajaan:

- 19. Mengarahkan** Polis New Zealand (atau entiti lain yang relevan) untuk membuat dasar dan operasi piawaian dan panduan untuk sistem perlesenan senjata api yang jelas dan konsisten dengan perundangan.
- 20. Mengarahkan** Polis New Zealand (atau entiti lain yang relevan) untuk memperkenalkan sistem elektronik untuk memproses permohonan lesen senjata api.
- 21. Mengarahkan** Polis New Zealand (atau entiti lain yang relevan) untuk memastikan kakitangan pelesenan senjata api mempunyai latihan berkala dan melakukan tinjauan berkala mengenai kualiti pekerjaan mereka.
- 22. Mengarahkan** Polis New Zealand (atau entiti lain yang relevan) untuk memperkenalkan petunjuk prestasi yang memfokuskan terhadap pelaksanaan sistem perlesenan senjata api yang efektif. Petunjuk utama harus merangkumi:
  - a) pemantauan prestasi yang berkala terhadap kakitangan perlesenan senjata api untuk memastikan piawaian nasional dipenuhi; dan
  - b) keyakinan masyarakat terhadap sistem perlesenan senjata api meningkat (seperti yang diukur oleh Polis New Zealand melalui laporan tinjauan kepuasan warga New Zealand ataupun mekanisme yang serupa).
- 23. Mengarahkan** Polis New Zealand (atau entiti lain yang relevan) untuk menghendaki dua proses yang baharu dalam kes pemohon yang telah tinggal di luar negara New Zealand dalam jangka masa yang panjang dalam sepuluh tahun sebelum permohonan:
  - a) pemohon dikehendaki membuat pemeriksaan sejarah polis atau jenayah dari negara-negara di mana mereka tinggal sebelumnya; dan
  - b) Pegawai Pemeriksaan Senjata Api harus menemu ramah dengan ahli keluarga atau sesiapa yang mempunyai hubungan rapat dengan pemohon yang tinggal di luar negara menggunakan teknologi sekiranya pemohon tidak mempunyai saudara terdekat atau rakan rapat yang tinggal di New Zealand.
- 24. Memperkenalkan** laporan mandatori mengenai kecederaan yang disebabkan oleh senjata api kepada Polis New Zealand oleh profesional kesihatan.

## Cadangan-cadangan untuk menyokong keperluan pemulihan yang berterusan bagi whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi

### Kami mencadangkan agar pihak kerajaan:

- 25. Mengarahkan** Kementerian Pembangunan Sosial untuk bekerjasama dengan agensi-agensi sektor Awam yang relevan termasuk Polis New Zealand, Accident Compensation Corporation, Kementerian Kehakiman, Imigresen New Zealand dan organisasi-organisasi bukan kerajaan untuk memudahkan akses yang berkoordinasi untuk mendapatkan sokongan pemulihan yang berterusan bagi whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pengganas pada 15 Mac 2019, termasuk memberikan setiap whānau, mangsa terselamat atau saksi-saksi seorang wakil pegawai perhubungan yang akan menavigasi semua sokongan sektor Awam yang diperlukan bagi pihak mereka.
- 26. Menyiasat** menubuhkan satu Jaringan dan Lembaga Impak Kolektif atau mekanisme lain yang relevan yang membolehkan agensi-agensi sektor Awam, organisasi-organisasi bukan kerajaan dan whānau terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi untuk menyetujui satu program kerja tertentu untuk memberikan perkhidmatan yang berterusan kepada whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi.
- 27. Mengarahkan** Jabatan Perdana Menteri dan Kabinet bekerjasama dengan agensi-agensi sektor Awam yang relevan untuk berbincang dengan whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pengganas yang berlaku pada 15 Mac 2019 mengenai apa, sekiranya ada, proses pemulihan keadilan yang diinginkan dan bagaimana proses tersebut mungkin dirancang dan memperolehi sumber.

## Cadangan-cadangan untuk memperbaiki perpaduan sosial dan tindak balas New Zealand terhadap populasi penduduk kita yang semakin berpelbagaian

### Kami mencadangkan agar pihak kerajaan:

- 28. Mengumumkan** bahawa Menteri bagi Pembangunan Sosial dan Pekerjaan dan Kementerian Pembangunan Sosial mempunyai tanggungjawab dan akauntabiliti untuk mengkoordinasi pendekatan kerajaan yang menyeluruh untuk membangun perpaduan sosial, termasuk inklusi sosial.
- 29. Mengarahkan** Kementerian Pembangunan Sosial untuk membincang dan berkolaborasi dengan komuniti, masyarakat sivil, kerajaan tempatan dan sektor swasta mengenai pengembangan kerangka strategik perpaduan sosial termasuk pengembangan pemantauan dan penilaian.
- 30. Menyiasat** jentera pilihan kerajaan bagi sebuah agensi yang memfokuskan kepada komuniti-komuniti etnik dan kepelbagaian budaya dan membina reka bentuk organisasi yang sesuai dengan tujuan yang akan merangkumi fungsi semasa seperti yang diharapkan oleh Pejabat Komuniti Etnik dan membolehkan agensi sektor Awam baharu yang bertanggungjawab untuk memberi tumpuan kepada dan melaksanakan fungsi berikut:
  - a) menasihat pihak kerajaan dan agensi-agensi sektor Awam mengenai keutamaan dan cabaran yang akan mempengaruhi kesejahteraan komuniti-komuniti etnik;
  - b) mengumpulkan dan menggunakan data untuk menganalisa, memantau dan menilai usaha-usaha sektor Awam untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat etnik, apa yang harus dilakukan dan bagaimana mereka harus diutamakan; dan
  - c) mengembangkan kerangka penilaian yang menggabungkan petunjuk prestasi yang mengkaji kesan dan keberkesanan dasar-dasar dan program-program kerajaan terhadap kesejahteraan masyarakat etnik.
- 31. Mengutamakan** pengembangan langkah-langkah dan petunjuk-petunjuk yang sesuai (seperti Kerangka Piawai Hidup) mengenai perpaduan sosial, termasuk inklusi sosial.
- 32. Mewajibkan** agensi-agensi sektor Awam untuk mengutamakan pengumpulan data demografi etnik dan agama untuk menyokong analisis dan nasihat mengenai implikasi perubahan masyarakat New Zealand yang cepat, memaklumkan dasar yang lebih baik dan meningkatkan penilaian dasar.

- 33. Mengarahkan** ketua eksekutif agensi-agensi sektor Awam yang terlibat dalam usaha melawan keganasan untuk terus memfokuskan usaha dalam meningkatkan kepelbagaian tenaga kerja secara signifikan termasuk dalam peranan kepimpinan dan dalam perundingan dengan Kumpulan Penasihat untuk melawan keganasan (Cadangan 7).
- 34. Menggalakkan** Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam untuk menerbitkan laporan tahunan yang:
- a) memberikan pandangan yang komprehensif mengenai kemajuan sektor Awam atas komitmen Papa Pounamu termasuk mengenalpasti bidang-bidang di mana agensi-agensi sektor Awam tersebut berprestasi dengan baik, bidang-bidang di mana penambahbaikan dapat dilakukan dan pandangan kritikal merentasi semua agensi mengenai ke mana untuk diarahkan usaha-usaha mereka; dan
  - b) mengutamakan pelaporan kemajuan yang dicapai oleh agensi-agensi sektor Awam yang terlibat dalam usaha melawan keganasan.
- 35. Menggalakkan** Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam untuk terus memfokuskan usaha dalam meningkatkan kepelbagaian tenaga kerja secara signifikan dan menarik bakat yang pelbagai bagi peranan kepimpinan untuk Perkhidmatan Awam pada peringkat pertama, kedua dan ketiga.
- 36. Melabur** dalam peluang-peluang bagi anak muda New Zealand untuk belajar tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dan mengenai nilai kepelbagaian etnik dan agama, inklusif, penyelesaian konflik, literasi sivik dan peraturan diri.
- 37. Mencipta** peluang-peluang untuk perbincangan Awam secara berkala yang dipimpin oleh menteri yang bertanggungjawab – Menteri Pembangunan Sosial dan Pekerjaan – untuk semua warga New Zealand untuk berkongsi pengetahuan dan meningkatkan pemahaman mereka tentang:
- a) perpaduan sosial termasuk inklusi sosial dan usaha kolektif yang diperlukan untuk mencapainya; dan
  - b) nilai yang kepelbagaian budaya, etnik dan agama dapat menyumbang kepada masyarakat yang berfungsi dengan baik.
- 38. Mewajibkan** semua keterlibatan masyarakat sektor Awam agar diselaraskan dengan komitmen Kerjasama Kerajaan Terbuka New Zealand dan khususnya:
- a) mewajibkan agensi-agensi untuk jelas tentang sejauh mana pengaruh penglibatan komuniti terhadap pengambilan keputusan yang berkaitan dengan menunjukkan kepada komuniti yang terlibat dalam Persatuan Antarabangsa untuk Penglibatan Awam IAP2 Spektrum Penglibatan Awam; dan

- b) menggalakkan agensi-agensi untuk melibatkan diri dalam lebih banyak tahap "penglibatan" dan "kolaborasi" yang bersesuaian dengan Persatuan Antarabangsa untuk Penglibatan Awam IAP2 Spektrum Penglibatan Awam.

**39. Meminda** undang-undang untuk mewujudkan kesalahan yang mendorong kebencian dalam:

- a) Ringkasan Akta Kesalahan 1981 yang sesuai dengan kesalahan tingkah laku atau bahasa yang menyinggung perasaan, serangan, kerosakan dan intimidasi yang disengajakan; dan
- b) Akta Jenayah 1961 yang sesuai dengan kesalahan serangan, pembakaran dan kerosakan yang disengajakan.

**40. Memansuhkan** seksyen 131 Akta Hak Asasi Manusia 1993 dan memasukkan peruntukan dalam Akta Jenayah 1961 tentang kesalahan menghasut ketidakharmonian kaum atau agama, berdasarkan niat yang cuba untuk membangkitkan, menjaga atau membiasakan kebencian, melalui ancaman, kata-kata yang kesat atau komunikasi penghinaan dengan ciri-ciri terlindung yang merangkumi pemahaman agama.

**41. Meminda** definisi bagi "membantah" dalam seksyen 3 Akta Klasifikasi Filem, Video, dan Penerbitan 1993 untuk merangkumi keunggulan kaum, kebencian antara kaum dan diskriminasi antara kaum.

**42. Mengarahkan** Polis New Zealand untuk menyemak semula cara-cara di mana mereka mencatat aduan tentang perlakuan jenayah untuk menangkap motivasi kebencian secara sistematik untuk menyinggung perasaan dan melatih kakitangan barisan hadapan dalam:

- a) mengenal pasti petunjuk berat sebelah supaya mereka dapat mengenal pasti potensi jenayah kebencian apabila mereka merasakan bahawa kesalahan itu bermotifkan kebencian;
- b) meneroka persepsi mangsa dan saksi sehingga mereka berada dalam kedudukan untuk merekod di mana kesalahan dianggap bermotif kebencian; dan
- c) merekodkan motivasi kebencian sedemikian dengan cara yang memudahkan penggunaan seksyen 9(1)(h) Akta Hukuman 2002 nanti.

## Cadangan-cadangan untuk pelaksanaan

### Kami mencadangkan agar pihak kerajaan:

- 43. Memastikan** seorang Menteri telah diberi tanggungjawab dan akautabiliti untuk memimpin dan mengkoordinasikan tindak balas terhadap dan pelaksanaan cadangan-cadangan kami dan mengumumkan pelantikan tersebut.
- 44. Menubuhkan** Kumpulan Penasihat Pengawasan Pelaksanaan yang:
- a) merangkumi wakil komuniti, masyarakat sivil, kerajaan tempatan, sektor swasta, whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi serta Kumpulan Rujukan Komuniti Muslim kami;
  - b) memberikan nasihat kepada menteri yang bertanggungjawab (Cadangan 1 dan 43) mengenai reka bentuk rancangan pelaksanaan kerajaan dan pelancarannya; dan
  - c) menerbitkan nasihatnya untuk meningkatkan ketelusan.

## Catatan akhir

- 1 Laporan ini memberikan satu laporan bebas tentang apa yang telah berlaku sebelum serangan pengganas pada 15 Mac 2019, apa-apa, jika ada, yang dapat dilakukan untuk menghentikannya dan apa yang harus dilakukan sekarang untuk melindungi warga New Zealand dengan lebih baik.
- 2 Daripada peristiwa serangan pengganas pada 15 Mac 2019 yang mengerikan, ia telah menjadi tanggungjawab untuk direnungi dan belajar.
- 3 Tugas pertama kerajaan kekal menjaga keselamatan rakyatnya. Walau bagaimanapun, keselamatan negara bukan merupakan tanggungjawab perisik dan keselamatan dan agensi penguatkuasaan undang-undang sahaja. Banyak agensi sektor Awam juga mempunyai peranan mereka. Tetapi yang penting juga adalah komuniti, masyarakat sivil, kerajaan tempatan dan sektor swasta. Warga New Zealand dapat memainkan peranan penting dalam memerangi keganasan dan ekstremisme. Untuk memainkan peranan tersebut, warga New Zealand mesti dimaklumkan mengenai isu-isu dan apa yang boleh mereka lakukan untuk membantu.
- 4 Dengan ini, kami telah memasukkan dalam laporan kami sejumlah besar bahan yang sebelumnya diklasifikasikan sebagai Rahsia Teratas atau Rahsia. Kami telah melakukannya untuk mengungkap bagaimana usaha pencegahan keganasan New Zealand berfungsi. Ini akan membolehkan perbincangan pada masa depan mendapat maklumat yang tepat. Kami melihat perbincangan yang tepat sebagai asas kepada lesen sosial dan dengan demikian keberkesanan dalam usaha menentang keganasan.
- 5 Kami menyedari bahawa kami telah menyelesaikan analisis dan laporan kami dalam bayangan COVID-19. Pandemik ini telah memberi kesan kepada semua komuniti dan menjadi peringatan penting kepada keperluan ketahanan masyarakat dan infrastruktur sosial. Ini juga merupakan gambaran terang tentang apa yang dapat dicapai apabila masyarakat bertindak secara kolektif demi kepentingan awam yang lebih luas.
- 6 Yang mendasari kesejahteraan dan keselamatan masa depan New Zealand adalah perpaduan sosial. Walaupun perpaduan sosial di New Zealand jauh lebih tinggi daripada banyak negara lain, terdapat garis kesilapan. Mengekalkan dan meningkatkan perpaduan sosial adalah tugas penting bagi pihak kerajaan. Kami yakin bahawa kehendak itu ada. Kami telah menyediakan mekanisme dalam cadangan kami agar perkara itu dapat dilaksanakan.
- 7 Perubahan ini bukan sesuatu yang mudah, tetapi kami telah menetapkan wero dan kami mendesak pihak kerajaan untuk menerima cabaran dan bertindak.







